

Company No.

9827	A
------	---

ACE JERNEH INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN BERKANUN

31 DISEMBER 2015

1516A6/py

Company No.

9827	A
------	---

ACE JERNEH INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN BERKANUN

31 DISEMBER 2015

KANDUNGAN	MUKA SURAT
LAPORAN PENGARAH	1 - 6
PENYATA PENGARAH	7
AKUAN BERKANUN	8
LAPORAN JURUAUDIT BEBAS	9 - 10
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN	11
PENYATA PENDAPATAN	12
PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF	13
PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI	14
PENYATA ALIRAN TUNAI	15
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN	16 - 89

Company No.

9827	A
------	---

ACE JERNEH INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

MAKLUMAT KORPORAT

DOMISIL : Malaysia

JENIS PERNIAGAAN DAN TEMPAT
DIPERBADANKAN : Syarikat awam terhad saham diperbadankan di
Malaysia di bawah Akta Syarikat, 1965

PEJABAT BERDAFTAR : Wisma ACE Jerneh
38 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur

LOKASI UTAMA PERNIAGAAN : Wisma ACE Jerneh
38 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur

ACE JERNEH INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

Para Pengarah dengan sukacitanya mengemukakan laporan mereka berserta penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Syarikat adalah perniagaan penajajaminan insurans am.

Tiada sebarang perubahan ketara dalam aktiviti ini sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN

	RM'000
Keuntungan bagi tahun kewangan	122,470

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada sebarang pemindahan yang ketara kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan selain daripada apa yang dinyatakan di dalam penyata kewangan.

DIVIDEN

Syarikat telah membayar dividen interim peringkat tunggal sebanyak RM2.90 setiap saham biasa berjumlah RM290,000,000 bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 pada 14 September 2015. Dividen tersebut telah diluluskan oleh Bank Negara Malaysia dan telah diambil kira di dalam ekuiti pemegang saham sebagai pengurangan pendapatan tertahan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

PARA PENGARAH

Para Pengarah Syarikat yang menyandang jawatan semenjak tarikh laporan yang lalu adalah seperti berikut:

YBhg Tan Sri Leo Moggie	(Pengerusi)
Dato' Sri Abdul Hamidy bin Abdul Hafiz	
Song Yam Lim	
Gregory Jerome Gerald Fernandes	
Daniel Andrew Albert Vanderkemp	(Meletak jawatan pada 23 Mei 2015)
Olivier Bouchard	(Dilantik pada 24 Mei 2015)
Stephen Barry Crouch	

Selaras dengan Seksyen 129, Akta Syarikat, 1965, YBhg Tan Sri Leo Moggie akan bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan, oleh kerana layak, menawarkan dirinya untuk dilantik semula.

Menurut Artikel 85, Tataurusn Syarikat, Olivier Bouchard akan bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan, oleh kerana layak, menawarkan dirinya untuk dilantik semula.

Menurut Artikel 99, Tataurusn Syarikat, Gregory Jerome Gerald Fernandes akan bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan, oleh kerana layak, menawarkan dirinya untuk dilantik semula.

ACE JERNEH INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)

TADBIR URUS KORPORAT

Lembaga Pengarah berpuas hati bahawa Syarikat secara amnya telah mematuhi segala aplikasi preskriptif yang ditetapkan dibawah BNM/RH/GL/003-2: Rangka Kerja Berhemat bagi Tadbir Urus Korporat untuk Penanggung Insurans.

Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit membantu Lembaga Pengarah dalam pengawasannya ke atas integriti penyata kewangan Syarikat dan proses laporan kewangan, pematuhan Syarikat kepada keperluan perundangan dan regulatori, sistem kawalan dalaman, proses audit, prestasi juruaudit dalaman Syarikat dan prestasi dan kebebasan juruaudit luaran Syarikat.

Jawatankuasa Audit terdiri daripada Pengarah berikut:

Dato' Sri Abdul Hamidy bin Abdul Hafiz (Pengerusi)
YBhg Tan Sri Leo Moggie
Song Yam Lim
Gregory Jerome Gerald Fernandes

Jawatankuasa Pencalonan

Jawatankuasa Pencalonan membantu Lembaga Pengarah dalam proses lanjutan perantikan dan penilaian prestasi para Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai kanan utama. Jawatankuasa ini memastikan bahawa Lembaga terdiri daripada bilangan para Pengarah yang mencukupi dengan gabungan kemahiran, pengalaman dan ciri-ciri bagi menyumbang secara berkesan kepada Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa Pencalonan terdiri daripada Pengarah berikut:

YBhg Tan Sri Leo Moggie (Pengerusi)
Dato' Sri Abdul Hamidy bin Abdul Hafiz
Song Yam Lim
Daniel Andrew Albert Vanderkemp (Meletak jawatan pada 23 Mei 2015)
Olivier Bouchard (Dilantik pada 24 Mei 2015)
Stephen Barry Crouch

Jawatankuasa Imbuan

Jawatankuasa Imbuan bertanggungjawab memantau dasar pampasan Syarikat, termasuk isu-isu berkaitan dengan bayaran dan prestasi para Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai-pegawai kanan Syarikat.

Jawatankuasa Imbuan terdiri daripada Pengarah berikut:

YBhg Tan Sri Leo Moggie (Pengerusi)
Gregory Jerome Gerald Fernandes
Daniel Andrew Albert Vanderkemp (Meletak jawatan pada 23 Mei 2015)
Olivier Bouchard (Dilantik pada 24 Mei 2015)

Pada tahun kewangan ini, Jawatankuasa ini mengkaji semula yuran yang dibayar kepada para Pengarah dengan mempertimbangkan prestasi dan penyertaan para Pengarah secara individu.

9827	A
------	---

ACE JERNEH INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)

TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

Jawatankuasa Risiko Pengurusan

Jawatankuasa Pengurusan Risiko memantau proses pengurusan risiko Syarikat bagi memastikan kecukupan dan integriti kawalan dalaman dan amalan pengurusan risiko. Ianya diiktiraf bahawa kawalan dan amalan tersebut dibentuk untuk memaksimumkan pengurangan risiko yang boleh dijangka dan bukannya untuk menghapuskan risiko secara keseluruhannya

Jawatankuasa Pengurusan Risiko terdiri daripada Pengarah berikut:

Song Yam Lim	(Pengerusi)
YBhg Tan Sri Leo Moggie	
Gregory Jerome Gerald Fernandes	(Dilantik pada 26 Mac 2015)
Daniel Andrew Albert Vanderkemp	(Meletak jawatan pada 23 Mei 2015)
Olivier Bouchard	(Dilantik pada 24 Mei 2015)

Jumlah mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga yang telah diadakan di sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

	<u>Lembaga Pengarah</u>	<u>Audit</u>	<u>Pencalonan</u>	<u>Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko</u>	
				<u>Imbuhan</u>	<u>Risiko</u>
Bilangan mesyuarat yang telah diadakan di sepanjang tahun kewangan	9	6	7	4	4
	<u>Bilangan dihadiri</u>	<u>Bilangan dihadiri</u>	<u>Bilangan dihadiri</u>	<u>Bilangan dihadiri</u>	<u>Bilangan dihadiri</u>
YBhg Tan Sri Leo Moggie	7/9	5/6	7/7	4/4	4/4
Dato' Sri Abdul Hamidy bin Abdul Hafiz	9/9	6/6	7/7	-	-
Song Yam Lim	9/9	6/6	7/7	-	4/4
Gregory Jerome Gerald Fernandes	9/9	6/6	-	4/4	4/4
Daniel Andrew Albert Vanderkemp	4/4	-	3/3	2/2	2/2
Olivier Bouchard	4/5	-	4/4	2/2	2/2
Stephen Barry Crouch	9/9	-	7/7	-	-

ACE JERNEH INSURANCE BERHAD

(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)

KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Sejak akhir tahun kewangan sebelumnya, tiada Pengarah yang menerima atau berhak menerima sebarang manfaat (selain daripada imbuhan Para Pengarah seperti yang dinyatakan dalam penyata kewangan), hasil daripada kontrak yang dimeterai oleh Syarikat atau syarikat berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma di mana Pengarah merupakan seorang ahli, atau dengan syarikat di mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

Pihak Syarikat tidak terlibat dalam sebarang urusan samada pada akhir tahun kewangan atau pada bila-bila masa sepanjang tahun kewangan, bertujuan membolehkan para Pengarah menerima manfaat menerusi perolehan saham atau debentur Syarikat atau mana-mana badan korporat lain.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH DALAM SAHAM

Menurut daftar pemegangan saham para Pengarah, tiada Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan memiliki sebarang kepentingan dalam saham atau debentur Syarikat atau syarikat-syarikat berkaitan di sepanjang tahun kewangan.

MAKLUMAT BERKANUN KE ATAS PENYATA KEWANGAN

- (a) Sebelum penyata pendapatan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya:
- (i) untuk memastikan bahawa terdapat peruntukan yang mencukupi bagi liabiliti insurans selaras dengan kaedah penilaian yang dinyatakan dalam Bahagian D Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko ("Rangka Kerja RBC") untuk syarikat insurans yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia menurut Seksyen 47(1) Akta Perkhidmatan Kewangan, 2013;
 - (ii) untuk menentukan bahawa tindakan yang sesuai telah diambil berhubung dengan penghapuskiraan hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu, serta berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang dikenal pasti telah dihapuskira dan peruntukan secukupnya telah dibuat bagi hutang ragu; dan
 - (iii) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa, selain daripada hutang yang mungkin tidak dapat direalisasikan dalam urusanniaga harian biasa telah dikurangkan nilainya kepada nilai yang dijangka boleh direalisasikan.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari mengenai kewujudan sebarang keadaan yang akan mengakibatkan:
- (i) jumlah hutang lapuk yang dihapuskira atau jumlah yang diperuntukan bagi hutang ragu dalam penyata kewangan Syarikat tidak mencukupi secara ketara; dan
 - (ii) nilai aset semasa dalam penyata kewangan Syarikat mengelirukan.

9827	A
------	---

ACE JERNEH INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)

MAKLUMAT BERKANUN KE ATAS PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

- (c) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari tentang kewujudan sebarang keadaan yang akan menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti Syarikat yang sedia ada mengelirukan atau tidak bersesuaian.
- (d) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari tentang sebarang keadaan yang tidak diambilkira di dalam laporan ini atau penyata kewangan Syarikat, yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.
- (e) Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:
 - (i) sebarang cagaran ke atas aset Syarikat yang wujud sejak akhir tahun kewangan sebagai jaminan untuk liabiliti pihak lain; atau
 - (ii) sebarang liabiliti luar jangka Syarikat yang wujud sejak akhir tahun kewangan
- (f) Pada pendapat para Pengarah:
 - (i) tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti-liabiliti lain yang berkuatkuasa atau mungkin dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan dari akhir tahun kewangan, yang akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Syarikat untuk menunaikan tanggungannya apabila tiba masanya;
 - (ii) tiada sebarang perkara, urusanniaga atau peristiwa penting dan luar biasa berlaku dalam tempoh diantara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, yang dijangka boleh menjejaskan dengan ketara keputusan operasi Syarikat bagi tahun kewangan yang dirangkumi oleh laporan ini; dan
 - (iii) keputusan kendalian Syarikat sepanjang tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara disebabkan sebarang perkara, urusanniaga atau peristiwa yang bersifat ketara dan luar biasa.

Bagi tujuan perenggan (e) dan (f), liabiliti luar jangka atau liabiliti-liabiliti lain tidak termasuk liabiliti yang berpunca daripada kontrak penajajaminan insurans dalam urusanniaga biasa Syarikat.

No. Syarikat

9827	A
------	---

ACE JERNEH INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PENGARAH
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)

SYARIKAT INDUK MUKTAMAD

Para Pengarah menyatakan ACE Limited, sebuah syarikat yang diperbadankan di Zurich, Switzerland, sebagai syarikat induk muktamad.

JURUAUDIT

Juruaudit PricewaterhouseCoopers telah menyatakan kesediaan mereka untuk terus berkhidmat.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi mereka pada 24 Mac 2016.

OLIVIER BOUCHARD
PENGARAH

STEPHEN BARRY CROUCH
PENGARAH

No. Syarikat

9827	A
------	---

ACE JERNEH INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PENGARAH

Kami, Olivier Bouchard dan Stephen Barry Crouch, dua Pengarah ACE Jerneh Insurance Berhad, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan seperti yang dibentangkan dalam muka surat 11 hingga 87 telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan mengikut keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia sewajarnya untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2015 dan keputusannya serta aliran tunai bagi tahun kewangan yang berakhir ketika itu.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi mereka pada 24 Mac 2016.

OLIVIER BOUCHARD
PENGARAH

STEPHEN BARRY CROUCH
PENGARAH

Kuala Lumpur

No. Syarikat

9827	A
------	---

ACE JERNEH INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

AKUAN BERKANUN

Saya, Stephen Barry Crouch, pegawai yang terutamanya bertanggungjawab ke-atas pengurusan kewangan ACE Jerneh Insurance Berhad, sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan dalam muka surat 11 hingga 87 adalah pada pendapat saya betul, dan saya membuat akuan ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

STEPHEN BARRY CROUCH

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya oleh penama di atas di Kuala Lumpur di hadapan saya pada 24 Mac 2016.

PESURUHJAYA SUMPAN

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI ACE JERNEH INSURANCE BERHAD

(Diperbadankan di Malaysia)
(No. Syarikat: 9827A)

LAPORAN KE ATAS PENYATA KEWANGAN

Kami telah mengaudit penyata kewangan ACE Jerneh Insurance Berhad, pada halaman 11 hingga 87, yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2015, penyata pendapatan, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai Syarikat bagi tahun berakhir ketika itu, dan ringkasan polisi perakaunan penting serta nota-nota penjelasan lain kepada penyata kewangan, seperti yang dinyatakan dalam nota 1 hingga 30.

Tanggungjawab Para Pengarah ke atas Penyata Kewangan

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab bagi penyediaan penyata kewangan yang memberikan gambaran sebenar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan menurut keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia. Para Pengarah juga bertanggungjawab bagi kawalan dalaman tertentu sebagaimana yang tentukan sebagai perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyataan material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan ini berdasarkan audit kami. Kami melaksanakan audit kami selaras dengan piawaian-piawaian diluluskan mengenai pengauditan di Malaysia. Piawaian-piawaian ini memerlukan agar kami mematuhi syarat-syarat etika dan merancang dan melaksanakan audit untuk mendapatkan jaminan munasabah mengenai sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada salah nyataan material.

Sesuatu audit melibatkan pelaksanaan prosedur-prosedur untuk mendapatkan bukti audit mengenai jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur dipilih bergantung pada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyataan material mengenai penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, kami menimbangkan kawalan dalaman yang relevan kepada penyediaan penyata kewangan Syarikat yang memberikan gambaran sebenar dan saksama untuk merangka prosedur-prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Syarikat. Sesuatu audit juga termasuk menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran-anggaran perakaunan yang dibuat oleh para Pengarah, serta juga menilai pembentangan keseluruhan penyata kewangan.

Kami percaya bahawa bukti audit kami yang telah kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk menyediakan asas bagi pendapat audit kami.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI ACE JERNEH INSURANCE
BERHAD (SAMBUNGAN)**
(Diperbadankan di Malaysia)
(No. Syarikat: 9827A)

LAPORAN KE ATAS PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini memberikan gambaran sebenar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan dan aliran tunai mereka bagi tahun berakhir ketika itu selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan menurut keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

LAPORAN MENGENAI KEPERLUAN PERUNDANGAN DAN REGULATORI LAIN

Selaras dengan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami, rekod perakaunan dan lain-lain rekod serta daftar yang diperlukan oleh Akta untuk disimpan oleh Syarikat telah disimpan sewajarnya selaras dengan peruntukan Akta tersebut.

PERKARA-PERKARA LAIN

Laporan ini dibuat hanya untuk ahli-ahli Syarikat, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak untuk kandungan laporan ini.

PRICEWATERHOUSECOOPERS
(No. AF: 1146)
Para Akauntan Bertauliah

MANJIT SINGH
(No. 2954/03/17 (J))
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur
24 Mac 2016

9827	A
------	---

ACE JERNEH INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2015

	<u>Nota</u>	<u>2015</u> RM'000	<u>2014</u> RM'000
ASET			
Hartanah dan peralatan	4	60,541	61,999
Aset tak ketara	5	6,217	760
Pelaburan			
- Aset kewangan tersedia untuk dijual ("AFS")	6	938,688	1,124,051
Aset insurans semula	7	371,456	320,850
Penghutang insurans	8	169,321	157,712
Penghutang lain	9	79,513	69,926
Aset cukai tertunda	16	11,523	19,146
Aset cukai semasa		13,080	-
Tunai dan setara tunai		240,451	223,864
		<hr/>	<hr/>
Jumlah aset		1,890,790	1,978,308
		<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
EKUITI DAN LIABILITI			
Modal saham	10	100,000	100,000
Perolehan tertahan	11	524,595	692,125
Rizab nilai saksama tersedia untuk dijual	12	(3,866)	(3,787)
Rizab ekuiti	13	4,307	2,715
		<hr/>	<hr/>
Jumlah ekuiti		625,036	791,053
		<hr/>	<hr/>
Liabiliti kontrak insurans	14	1,076,844	948,888
Liabiliti kontrak pelaburan	15	1,048	1,391
Pemiutang insurans	17	84,265	79,262
Liabiliti cukai semasa		-	26,049
Pemiutang lain	18	103,597	131,665
		<hr/>	<hr/>
Jumlah liabiliti		1,265,754	1,187,255
		<hr/>	<hr/>
Jumlah ekuiti dan liabiliti		1,890,790	1,978,308
		<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting penyata-penyata kewangan ini.

9827	A
------	---

ACE JERNEH INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	<u>Nota</u>	<u>2015</u> RM'000	<u>2014</u> RM'000
Premium kasar diperolehi	19(a)	875,647	849,335
Premium diserahkan kepada penginsurans semula	19(b)	(227,110)	(246,516)
Premium bersih diperolehi		<u>648,537</u>	<u>602,819</u>
Pendapatan pelaburan	20	49,668	45,541
(Kerugian)/keuntungan direalisasikan	21	(11,373)	3,046
Pendapatan komisen	22	63,765	61,097
Pendapatan kendalian lain		745	794
Pendapatan bersih		<u>102,805</u>	<u>110,478</u>
Jumlah hasil		<u>751,342</u>	<u>713,297</u>
Tuntutan kasar dibayar		(332,153)	(389,899)
Tuntutan diserahkan kepada penginsurans semula		96,421	170,424
Perubahan kasar kepada liabiliti kontrak		(97,990)	82,025
Perubahan dalam liabiliti kontrak diserahkan kepada penginsurans semula		50,134	(71,218)
Tuntutan bersih tertanggung		<u>(283,588)</u>	<u>(208,668)</u>
Perbelanjaan komisen		(125,392)	(123,778)
Perbelanjaan pengurusan	23	(179,063)	(171,577)
Jumlah perbelanjaan lain		<u>(304,455)</u>	<u>(295,355)</u>
Keuntungan sebelum cukai		163,299	209,274
Cukai	24	(40,829)	(52,926)
Keuntungan bagi tahun kewangan		<u>122,470</u>	<u>156,348</u>
Perolehan sesaham (sen)			
Asas	25	<u>122.47</u>	<u>156.35</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting penyata-penyata kewangan ini.

Company No.

9827	A
------	---

ACE JERNEH INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	<u>2015</u> RM'000	<u>2014</u> RM'000
Keuntungan bagi tahun kewangan	122,470	156,348
Pendapatan komprehensif lain:		
<u>Perkara yang mungkin seterusnya diklasifikasikan kepada penyata pendapatan:</u>		
Rizab nilai saksama tersedia untuk dijual (Kerugian)/keuntungan bersih sepanjang tahun kewangan	(843)	59
Kerugian/(keuntungan) bersih direalisasikan dipindahkan ke penyata pendapatan	738	(4,032)
	<u>(105)</u>	<u>(3,973)</u>
Kesan cukai ke atasnya (Nota 16)	26	993
	<u>(79)</u>	<u>(2,980)</u>
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	<u>122,391</u>	<u>153,368</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting penyata-penyata kewangan ini.

9827	A
------	---

ACE JERNEH INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	Modal saham RM'000	Tidak boleh diagih		Boleh diagih	Jumlah ekuiti RM'000
		Rizab ekuiti RM'000	Rizab nilai saksama RM'000	Perolehan tertahan RM'000	
Pada 1 Januari 2015	100,000	2,715	(3,787)	692,125	791,053
Keuntungan bagi tahun kewangan	-	-	-	122,470	122,470
Pendapatan komprehensif lain bagi tahun kewangan	-	-	(79)	-	(79)
Dividen dibayar	-	-	-	(290,000)	(290,000)
Pelan insentif terletak hak jangka panjang berdasar saham	-	1,592	-	-	1,592
Pelan insentif dibayar jangka panjang berdasar saham	-	-	-	-	-
	-	1,592	-	-	1,592
Pada 31 Disember 2015	100,000	4,307	(3,866)	524,595	625,036
Pada 1 Januari 2014	100,000	2,669	(807)	535,777	637,639
Keuntungan bagi tahun kewangan	-	-	-	156,348	156,348
Pendapatan komprehensif lain bagi tahun kewangan	-	-	(2,980)	-	(2,980)
Pelan insentif terletak hak jangka panjang berdasar saham	-	867	-	-	867
Pelan insentif dibayar jangka panjang berdasar saham	-	(821)	-	-	(821)
	-	46	-	-	46
Pada 31 Disember 2014	100,000	2,715	(3,787)	692,125	791,053

Syarikat telah membayar dividen interim peringkat tunggal sebanyak RM2.90 setiap saham biasa berjumlah RM290,000,000 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 pada 14 September 2015 (2014: Sifar). Para Pengarah tidak mencadangkan sebarang dividen akhir untuk dibayar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting penyata-penyata kewangan ini.

9827	A
------	---

ACE JERNEH INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	<u>Nota</u>	<u>2015</u> RM'000	<u>2014</u> RM'000
AKTIVITI KENDALIAN			
Tunai dijanakan daripada aktiviti kendalian	26	337,497	2,175
Pendapatan faedah diterima		51,317	46,919
Pendapatan dividen diterima		99	66
Cukai pendapatan dibayar		(72,309)	(42,617)
		<hr/>	<hr/>
Tunai aliran bersih dijana dalam aktiviti kendalian		316,604	6,543
		<hr/>	<hr/>
AKTIVITI PELABURAN			
Perolehan daripada pelupusan hartanah dan peralatan		201	-
Pembelian hartanah dan peralatan	4	(3,759)	(2,715)
Pembelian aset tidak ketara	5	(6,459)	(168)
		<hr/>	<hr/>
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan		(10,017)	(2,883)
		<hr/>	<hr/>
AKTIVITI KEWANGAN			
Dividen dibayar		(290,000)	-
		<hr/>	<hr/>
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti kewangan		(290,000)	-
		<hr/>	<hr/>
Peningkatan bersih dalam tunai dan setara tunai		16,587	3,660
Tunai dan setara tunai pada awal tahun kewangan		223,864	220,204
		<hr/>	<hr/>
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun kewangan		240,451	223,864
		<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
Tunai dan setara tunai terdiri daripada:			
Deposit tetap dan panggilan:			
-Institusi kewangan berlesen di Malaysia		229,977	218,366
Tunai dan baki bank		10,474	5,498
		<hr/>	<hr/>
		240,451	223,864
		<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting penyata-penyata kewangan ini.

ACE JERNEH INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

1 AKTIVITI UTAMA DAN MAKLUMAT AM

Aktiviti utama Syarikat adalah dalam perniagaan penajajaminan kesemua kelas insurans am. Tiada perubahan ketara dalam aktiviti utama Syarikat sepanjang tahun kewangan.

Syarikat adalah sebuah syarikat liabiliti terhad awam, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia.

Para Pengarah menyatakan ACE Limited, sebuah syarikat yang diperbadankan di Zurich, Switzerland, sebagai syarikat induk muktamad.

Penyata kewangan telah diluluskan untuk diterbitkan oleh Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi para Pengarah pada 24 Mac 2016.

2 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING

Polisi-polisi perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam menguruskan perkara-perkara yang dianggap penting berhubung dengan penyata kewangan.

(a) Asas penyediaan

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan mematuhi keperluan Akta Syarikat 1965 di Malaysia.

Penyata Kewangan ini telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya di dalam ringkasan dasar perakaunan penting. Syarikat telah memenuhi keperluan modal minimum seperti yang ditetapkan oleh Rangkakerja Modal Berasaskan Risiko ("RBC") pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Penyediaan penyata kewangan menurut MFRS memerlukan penggunaan anggaran dan andaian perakaunan kritikal tertentu yang mempengaruhi jumlah aset dan liabiliti yang dicatat dan pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan dan jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang dicatat dalam tahun kewangan yang dilaporkan. Hal ini juga menghendaki para pengarah menggunakan pertimbangan mereka dalam proses menggunakan dasar perakaunan Syarikat. Walaupun anggaran dan pertimbangan ini adalah berasaskan pengetahuan terbaik pengarah tentang acara dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran tersebut.

Bidang-bidang yang melibatkan tahap pertimbangan atau kerumitan yang lebih mendalam, atau bidang-bidang di mana anggaran dan andaian perakaunan adalah penting kepada penyata kewangan, telah didedahkan dalam Nota 3 kepada penyata kewangan.

Penyata kewangan dikemukakan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang juga merupakan matawang fungsian Syarikat dan kesemua nilai digenapkan kepada ribu terdekat kecuali dinyatakan sebaliknya.

ACE JERNEH INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)

2 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas penyediaan (sambungan)

(i) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran yang berkuatkuasa.

Piawaian berikut telah diterima pakai oleh Syarikat buat kali pertama bagi tahun kewangan bermula pada 1 Januari 2015:

- (i) Putaran peningkatan tahunan kepada MFRS 2010-2012
- (ii) Putaran peningkatan tahunan kepada MFRS 2011-2013.
- (iii) Pindaan kepada MFRS 119 “Manfaat Kakitangan – Pelan Caruman Tetap: Sumbangan Kakitangan”

Tiada sebarang perubahan ketara kepada dasar perakaunan Syarikat selain daripada peningkatan pendedahan kepada penyata kewangan.

Ke semua piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran yang berkuatkuasa bagi tempoh kewangan semasa tidak relevan kepada Syarikat.

(ii) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran kepada piawaian sedia ada yang berkuatkuasa bagi tempoh kewangan selepas 1 Januari 2015

- (a) Berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016
 - Pindaan kepada MFRS 11 “Perakaunan bagi Pemerolehan Kepentingan dalam Operasi Usaha Sama”
 - Pindaan kepada MFRS 116 dan MFRS 138 “Penjelasan Kaedah Diterima bagi Susutnilai dan Pelunasan”
 - Pindaan kepada MFRS 10 dan MFRS 128 “Jualan atau sumbangan aset di antara pelabur dan syarikat bersekutu/usaha sama”
 - Pindaan kepada MFRS 127 “Perakaunan ekuiti di dalam penyata kewangan berasingan”
 - Putaran peningkatan tahunan kepada MFRS 2012 – 2014 (Pindaan kepada MFRS 5 “Aset Bukan Semasa Dipegang Untuk Jualan dan Operasi Dihentikan”, MFRS 7 “Instrumen Kewangan: Pendedahan”, MFRS 119 “Manfaat Kakitangan”, dan MFRS 134 “Pelaporan Kewangan Interim”)
 - Pindaan kepada MFRS 10, 12 dan 128 “Entiti Pelaburan – Penerima-pakaian Pengecualian Pergabungan”
 - Pindaan kepada MFRS 101 “Perbentangan Penyata Kewangan – Inisiatif Pendedahan”

ACE JERNEH INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)

2 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

- (a) Asas penyediaan (sambungan)
- (ii) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran kepada piawaian sedia ada yang berkuatkuasa bagi tempoh kewangan selepas 1 Januari 2015 (sambungan)
- (b) Berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018
- MFRS 15 “Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan”
 - MFRS 9 “Instrumen Kewangan”

Piawaian-piawaian yang disenaraikan di atas dijangka tidak mempunyai kesan yang ketara keatas penyata kewangan Syarikat pada penggunaan awal, kecuali pengguna-pakaian MFRS 9. Syarikat masih belum menilai kesan penuh MFRS 9 ke atas dasar-dasar perakaunan Syarikat. Syarikat juga akan mempertimbangkan kesan fasa berperingkat MFRS 9 apabila ianya diterbitkan oleh MASB.

ACE JERNEH INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)

2 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(b) Hartanah dan peralatan

(i) Asas pengukuran

Hartanah dan peralatan pada mulanya dicatatkan pada kos. Ini termasuk perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan aset.

Kos berikutnya dimasukkan ke dalam jumlah dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, mengikut kesesuaian, hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan aset tersebut akan mengalir kepada Syarikat dan kos aset tersebut boleh diukur dengan pasti. Jumlah bawaan bahagian yang diganti tidak diiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain adalah dicaj kepada penyata pendapatan sepanjang tahun kewangan di mana ia ditanggung.

Selepas pengiktirafan awal, hartanah dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian kemerosotan terkumpul.

Hartanah dan peralatan tidak lagi diiktiraf apabila dilupuskan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa depan dijangka daripada penggunaan atau pelupusan. Apabila ianya dilupuskan, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(ii) Susut nilai

Tanah pegangan bebas tidak disusut nilai.

Susutnilai dikira menggunakan asas garis lurus untuk memperuntukkan kos hartanah dan peralatan lain kepada nilai sisa sepanjang anggaran hayat berguna aset-aset.

Tempoh hayat berguna hartanah dan peralatan adalah seperti berikut:

Bangunan	50 tahun
Komputer	3 - 10 tahun
Peralatan pejabat, perabot dan lekapan pejabat	3 - 10 tahun
Kenderaan	5 tahun

Nilai sisa dan hayat berguna dikaji, dan diselaraskan sekiranya sesuai, pada setiap tarikh laporan.

Keuntungan dan kerugian atas pelupusan ditentukan dengan membandingkan hasil dengan jumlah dibawa dan dikreditkan atau dicaj kepada penyata pendapatan.

ACE JERNEH INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)

2 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(c) Aset tidak ketara

Perisian komputer

Lesen perisian komputer yang dibeli dipermodalkan berasaskan jumlah kos pembelian dan penggunaan perisian tersebut.

Kos berkaitan dengan penyelenggaraan program perisian diiktiraf sebagai perbelanjaan semasa ditanggung. Kos yang berkaitan terus dengan produk perisian yang dikenal pasti dan unik di bawah kawalan Syarikat, dan kemungkinan besar menghasilkan faedah ekonomi yang melebihi kos menjangkau satu tahun, diiktiraf sebagai aset tidak ketara. Kos merangkumi kos pekerja yang terlibat dalam pembangunan perisian dan bahagian overhead berkaitan yang diperuntukkan.

Kos perisian computer dilunaskan mengikut anggaran tempoh hayat berguna sepanjang 5 hingga 7 tahun.

(d) Pajakan

Pajakan adalah suatu perjanjian di mana pemberi pajak menyewakan kepada penerima pajak untuk suatu bayaran atau siri bayaran bagi hak penggunaan aset untuk tempoh masa yang dipersetujui.

(i) Pajakan kewangan

Pajakan kewangan adalah pajakan yang memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan aset. Hakmilik mungkin atau tidak mungkin dipindahkan kemudiannya

(ii) Pajakan kendalian

Pajakan kendalian adalah suatu pajakan selain daripada pajakan kewangan.

Pendapatan pajakan kendalian atau sewa pajakan kendalian dikreditkan atau dicaj kepada penyata pendapatan atas dasar garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

ACE JERNEH INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)

2 **POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

(e) Instrumen kewangan

Instrumen kewangan diiktiraf di dalam penyata kewangan apabila Syarikat menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

(i) Kategori dan pengukuran instrumen kewangan

(1) Pelaburan

Syarikat mengklasifikasikan pelaburannya kepada kategori berikut: nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL"), aset kewangan dipegang hingga matang ("HTM"), aset kewangan tersedia untuk jualan ("AFS") dan pinjaman dan penghutang ("LAR").

Pengklasifikasian bergantung pada tujuan pembelian atau pengasalan pelaburan. Pengurusan menentukan pengklasifikasian pelaburan pada pengiktirafan awal dan menilai semulanya pada setiap tarikh laporan.

FVTPL

Aset kewangan pada FVTPL termasuk aset kewangan yang dipegang untuk perdagangan dan yang ditetapkan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian pada permulaannya. Pelaburan yang biasanya dibeli dengan niat untuk dijual di masa terdekat atau ia membentuk sebahagian daripada portfolio sekuriti yang dikenal pasti mempunyai bukti pola sebenar keuntungan jangka pendek dikelaskan sebagai dipegang untuk dagangan.

Pelaburan ini pada awalnya dicatatkan pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian daripada perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam penyata pendapatan.

HTM

Pelaburan dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan dan kematangan tetap dikategorikan sebagai dipegang hingga matang apabila Syarikat mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang.

Pelaburan-pelaburan ini pada awalnya diiktiraf pada kos, sebagai nilai saksama bagi pertimbangan dibayar pembelian pelaburan dan kos urusniaga yang berkaitan langsung dengan pembeliannya. Selepas pengukuran awal, pelaburan HTM dikira pada kos dilunaskan, dengan menggunakan kaedah kadar hasil berkesan, tolak kerugian terjejas.

ACE JERNEH INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)

2 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(e) Instrumen kewangan (sambungan)

(i) Kategori dan pengukuran instrumen kewangan (sambungan)

(1) Pelaburan (sambungan)

AFS

Pelaburan-pelaburan ini pada mulanya dinyatakan pada kos nilai saksama serta urusan yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihannya. Selepas pengukuran awal, AFS diukur semula pada nilai saksama pada tarikh laporan. Keuntungan atau kerugian nilai saksama diiktiraf sebagai pendapatan komprehensif lain, kecuali bagi kerugian terjejas yang diiktiraf dalam penyata pendapatan

Keuntungan dan kerugian nilai saksama sekuriti monetari dalam mata wang asing dianalisis antara perbezaan terjemahan yang terhasil daripada perubahan dalam kos pelunasan sekuriti dan perubahan lain dalam jumlah dibawa sekuriti. Perbezaan terjemahan ke atas sekuriti kewangan diiktiraf di dalam penyata pendapatan; perbezaan terjemahan ke atas sekuriti bukan monetari dilaporkan sebagai komponen ekuiti yang berasingan sehingga pelaburan tidak lagi diiktiraf.

Pelaburan yang tidak disebut harga di mana nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti diukur pada kos. Apabila ianya dinyahiktiraf, keuntungan dan kerugian nilai saksama terkumpul yang dahulunya diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dipindahkan ke penyata pendapatan.

LAR

Aset kewangan dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif adalah pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama ditambah kos urusan yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihannya. Selepas pengukuran awal, LAR dibawa pada kos terlunas, menggunakan kaedah hasil efektif, ditolak kerugian terjejas. LAR terdiri daripada deposit tetap dengan institusi kewangan melebihi 3 bulan. Pendapatan faedah diiktiraf dalam penyata pendapatan.

ACE JERNEH INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)

2 **POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

(e) Instrumen kewangan (sambungan)

(i) Kategori dan pengukuran instrumen kewangan (sambungan)

(2) Penghutang insurans

Penghutang insurans diiktiraf apabila cukup tempohnya dan diukur pada pengiktirafan awal pada kos yang merupakan nilai saksama pertimbangan yang diterima atau belum diterima. Selepas pengiktirafan awal, penghutang insurans diukur pada kos terlunas, menggunakan kaedah hasil efektif, ditolak kerugian terjejas.

Sekiranya terdapat bukti objektif bahawa penghutang insurans adalah terjejas, Syarikat akan mengurangkan jumlah dibawa penghutang insurans dengan sewajarnya dan mengiktiraf kerugian terjejas dalam penyata pendapatan. Penghutang insurans Syarikat dinilai dan dikaji semula untuk bukti kekejasaan seperti yang dinyatakan dalam Nota 2(e)(v) kepada penyata kewangan.

Penghutang insurans dinyahiktiraf apabila kriteria penyahiktirafan bagi aset kewangan telah dipenuhi, seperti yang dinyatakan dalam Nota 2(e)(iv) kepada penyata kewangan, telah dipenuhi.

Kesemua aset kewangan, disemak semula untuk kekejasaan, seperti yang dinyatakan dalam Nota 2(e)(v) kepada penyata kewangan kecuali pelaburan yang ditetapkan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian ("FVTPL").

(3) Liabiliti kewangan

Kesemua liabiliti kewangan pada awalnya diukur pada nilai saksama dan kemudiannya diukur pada kos pelunasan selain daripada yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

Liabiliti lain dan bayaran diiktiraf apabila cukup tempohnya dan diukur pada pengiktirafan awal pada kos yang merupakan nilai saksama pertimbangan yang diterima ditolak kos urusniaga secara langsung. Selepas pengukuran awal, ianya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah hasil efektif.

ACE JERNEH INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)

2 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(e) Instrumen kewangan (sambungan)

(ii) Penentuan nilai saksama

Nilai saksama instrumen kewangan yang didagangkan secara aktif dalam pasaran kewangan yang teratur ditentukan dengan merujuk kepada harga bida pasaran yang disebut harga untuk aset semasa penutupan perniagaan pada tarikh pelaporan.

Bagi pelaburan dalam unit dan amanah pelaburan hartanah, nilai saksama ditentukan dengan merujuk kepada nilai bida yang diterbitkan atau harga tawaran bagi liabiliti, semasa penutupan perniagaan pada tarikh pelaporan.

Bagi instrumen kewangan di mana tiada pasaran aktif, nilai saksama ditentukan dengan menggunakan teknik penilaian seperti urus niaga tulus terkini, merujuk kepada nilai pasaran semasa instrumen lain yang sama jenisnya, analisis aliran tunai terdiskaun dan bergantung sesedikit terhadap input khusus entiti.

Nilai saksama kadar terapung dan deposit semalaman dengan institusi kewangan dalam nilai dibawahnya. Nilai dibawa adalah kos deposit/penempatan dan faedah terakru. Nilai saksama bagi faedah/deposit berhasil dianggarkan menggunakan teknik-teknik aliran tunai terdiskaun.

Jika nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti, instrumen kewangan ini diukur pada kos, yang merupakan nilai saksama pertimbangan yang dibayar untuk perolehan instrumen atau amaun yang diterima pada mengeluarkan liabiliti kewangan. Semua kos urusniaga yang berkaitan secara langsung dengan pemerolehan juga termasuk dalam kos pelaburan.

(iii) Pengiktirafan aset kewangan

Semua pembelian cara biasa dan jualan aset kewangan diiktiraf pada tarikh perdagangan iaitu tarikh di mana Syarikat menetapkan pembelian atau penjualan aset tersebut. Pembelian cara biasa atau jualan aset kewangan memerlukan penyerahan aset dalam tempoh yang pada amnya ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran.

(iv) Penyahiktirafan instrumen kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripadanya telah luput atau di mana ia telah dipindahkan dan Syarikat juga telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan. Pada masa penyahiktirafan aset kewangan, perbezaan antara jumlah dibawa dan jumlah pertimbangan diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain diklasifikasikan semula kepada penyata pendapatan.

ACE JERNEH INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)

2 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(e) Instrumen kewangan (sambungan)

(iv) Penyahiktirafan instrumen kewangan (sambungan)

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang ditetapkan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Apabila dinyahiktirafkan, perbezaan di antara jumlah dibawa liabiliti kewangan dikurangkan atau dipindahkan kepada pihak lain dan pertimbangan yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

(v) Kejejasan aset kewangan

Pelaburan

Syarikat menilai pada setiap tarikh laporan sama ada aset kewangan atau kumpulan aset kewangan terjejas, kecuali deposit tetap dan panggilan.

Aset kewangan yang dibawa pada kos dilunaskan

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian terjejas pada aset yang dibawa pada kos terlunas telah berlaku, amaun kerugian terjejas diukur sebagai perbezaan antara jumlah dibawa aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan (tidak termasuk kerugian kredit dijangka yang belum ditanggung) didiskaunkan pada hasil kadar faedah efektif asal aset kewangan tersebut. Jumlah dibawa aset dikurangkan dan kerugian dicatatkan di dalam penyata pendapatan.

Syarikat pada mulanya menilai sama ada bukti objektif kejejasan wujud secara individu bagi aset kewangan yang secara individunya adalah ketara, dan secara individu atau kolektif bagi aset kewangan yang secara individunya adalah tidak ketara. Sekiranya ia ditentukan bahawa tidak ada bukti objektif kejejasan bagi aset kewangan yang dinilai secara individu, sama ada penting atau tidak, aset dimasukkan dalam kelompok aset kewangan dengan ciri-ciri risiko kredit yang serupa dan kumpulan aset kewangan dinilai secara kolektif untuk kejejasan. Aset yang dinilai secara individu untuk kejejasan di mana kerugian terjejas adalah atau terus diiktiraf tidak termasuk dalam penilaian kolektif kejejasan. Penilaian kejejasan dilakukan pada setiap tarikh laporan.

Jika, dalam tempoh seterusnya, jumlah kerugian terjejas berkurangan dan pengurangan tersebut boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas kejejasan diiktiraf, kerugian terjejas yang diiktiraf sebelumnya diakaskan. Sebarang pengakasan kerugian terjejas berikutnya diiktiraf dalam penyata pendapatan, setakat mana nilai dibawa aset tidak melebihi kos yang dilunaskan pada tarikh pengakasan.

AFS

Dalam hal pelaburan ekuiti yang diklasifikasikan sebagai AFS, penurunan yang ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama aset kewangan di bawah kosnya merupakan bukti objektif penjejasan, menyebabkan pengiktirafan kerugian terjejas.

ACE JERNEH INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)

2 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(e) Instrumen kewangan (sambungan)

(v) Kejelasan aset kewangan (sambungan)

AFS (sambungan)

Jika suatu AFS terjejas, suatu amaun yang terdiri daripada perbezaan antara kosnya (tolak sebarang bayaran balik prinsipal dan pelunasan) dan nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian kejelasan yang sebelumnya diiktiraf dalam penyata pendapatan, dipindahkan daripada pendapatan komprehensif lain kepada penyata pendapatan. Pengakasan kerugian terjejas atas instrumen hutang yang diklasifikasikan sebagai AFS diakaskan melalui penyata pendapatan jika peningkatan dalam nilai saksama instrumen boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas kerugian terjejas diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Penghutang insurans

Penghutang insurans dinilai pada setiap tarikh laporan bagi bukti objektif penjejasan, akibat daripada satu atau pelbagai peristiwa yang mempunyai kesan ke atas aliran tunai aset masa depan aset yang dianggarkan.

Jika terdapat bukti objektif bahawa penghutang insurans terjejas, Syarikat mengurangkan jumlah dibawa penghutang insurans dengan sewajarnya dan mengiktiraf kerugian terjejas dalam penyata pendapatan. Syarikat mengumpulkan bukti objektif bahawa insurans belum terima terjejas menggunakan proses yang sama yang digunakan untuk aset kewangan yang dibawa pada kos dilunaskan. Kerugian terjejas dikira mengikut kaedah yang sama seperti yang digunakan untuk aset kewangan ini.

Jika dalam tempoh seterusnya nilai saksama penghutang insurans meningkat dan peningkatan tersebut boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas kerugian terjejas diiktiraf dalam penyata pendapatan, kerugian terjejas akan diakaskan setakat jumlah dibawa tidak melebihi jumlah dibawa sepatutnya sekiranya penjejasan tidak diiktiraf pada tarikh penjejasan diakaskan.

(f) Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai di tangan, deposit panggilan yang dipegang dengan institusi kewangan dengan kematangan asal tiga bulan atau kurang. Ia tidak termasuk deposit yang dipegang untuk tujuan pelaburan.

Syarikat mengklasifikasikan aliran tunai bagi pembelian dan penjualan pelaburan dalam aset kewangan dalam aliran tunai kendalian di mana pembelian dibiayai daripada aliran tunai yang berkaitan dengan asal kontrak insurans, tolak aliran tunai untuk pembayaran faedah tuntutan insurans.

ACE JERNEH INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)

2 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(g) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Syarikat mempunyai obligasi semasa, sama ada dari segi perundangan atau konstruktif, akibat daripada peristiwa lampau dan kemungkinan mengakibatkan pengaliran keluar sumber bagi menyelesaikan obligasi tersebut dan anggaran munasabah berkaitan jumlahnya boleh dibuat.

Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Sekiranya ianya tidak lagi munasabah bahawa aliran keluar sumber yang berupa manfaat ekonomi diperlukan bagi menyelesaikan obligasi, peruntukan akan diperbalikkan. Sekiranya kesan nilai masa wang adalah ketara, peruntukan didiskaunkan dengan menggunakan kadar sebelum cukai semasa yang menggambarkan, di mana sesuai, risiko yang khusus kepada liabiliti tersebut. Di mana pendiskaunan digunakan, peningkatan dalam peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai perbelanjaan kos kewangan.

(h) Liabiliti luar jangka dan aset luar jangka

Syarikat tidak mengiktiraf liabiliti luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti luar jangka adalah obligasi yang mungkin timbul daripada peristiwa lepas di mana kewujudannya akan disahkan oleh peristiwa masa depan di luar kawalan Syarikat atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kemungkinan menyebabkan pengaliran keluar sumber akan diperlukan bagi menjelaskan obligasi.

Liabiliti luar jangka juga timbul dalam keadaan yang luar biasa di mana terdapat liabiliti yang tidak boleh diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur dengan pasti.

Aset luar jangka adalah aset yang mungkin timbul daripada peristiwa lepas di mana kewujudannya akan disahkan oleh peristiwa masa depan di luar kawalan Syarikat. Syarikat tidak mengiktiraf aset luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi berkemungkinannya wujud tetapi tidak semestinya pasti.

(i) Instrumen ekuiti

Modal Saham Biasa

Syarikat telah menerbitkan saham biasa yang diklasifikasikan sebagai ekuiti. Saham biasa dicatatkan pada nilai nominal. Kos yang ditanggung secara langsung dengan penerbitan saham diambil kira sebagai pengurangan daripada premium saham.

Dividen Modal Saham Biasa

Dividen atas saham biasa diiktiraf sebagai liabiliti dan ditolak daripada ekuiti apabila ia telah diluluskan oleh para pemegang saham Syarikat. Dividen interim ditolak daripada ekuiti apabila mereka dibayar.

ACE JERNEH INSURANCE BERHAD
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)

2 POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(j) Klasifikasi produk

Syarikat menerbitkan kontrak yang memindahkan risiko insurans.

